

Graduan disyor daftar PENJANA KPT-CAP

Program pastikan peserta peroleh pekerjaan selepas tamat kursus: PM

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Bangi: Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam melancarkan program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) Kementerian Pengajian Tinggi - 'Program Kemajuan Kerjaya' atau KPT-CAP, yang memastikan graduan program peningkatan kemahiran itu memperoleh pekerjaan setelah tamat kursus.

Perdana Menteri berkata, kursus di bawah program KPT-CAP itu direka bentuk mengikut kehendak dan keperluan yang ditetapkan oleh syarikat yang bakal mengambil graduan berkenaan sebagai pekerja mereka.

Mengambil contoh kursus *Smart Trucker*, katanya kandungan pengajaran dalam kursus itu direka bentuk berdasarkan kemahiran yang diperlukan oleh syarikat logistik yang mengeluarkan *Letter of Commitment* (LOC) kepada KPT.

"Habis sahaja tempoh kursus, graduan tadi akan ditawarkan un-

tuk bekerja dengan syarikat logistik terbabit," katanya ketika melancarkan program itu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kanan (Kerja Raya), Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan.

Pengerusi Kumpulan Media Prima Bhd (MPB), Datuk Syed Hussain Syed Junid yang juga Pengerusi Kumpulan Western Digital, turut hadir.

Sehubungan itu, Muhyiddin menyeru graduan yang masih menganggur supaya merebut peluang mendaftar dalam KPT-CAP.

Beliau yang prihatin dengan nasib dan hala tuju graduan yang bakal menamatkan pengajaran pada tahun ini berkata, graduan boleh memohon program berkenaan melalui portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* (GREaT) yang disediakan KPT.



Muhyiddin menyaksikan penyerahan Pelantikan Pusat Latihan PENJANA KPT-CAP daripada Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Noraini Ahmad kepada Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor Universiti Awam mewakili 20 Naib Canselor Universiti Awam, Prof Datuk Dr Mohamad Shatar Sabran (depan tiga, kiri) pada Majlis Pelancaran PENJANA KPT-CAP di Bangi, semalam.

(Foto BERNAMA)

Katanya, program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran bukan saji untuk menangani graduan menganggur, malah memastikan golongan yang hilang pekerjaan dalam tempoh pandemik COVID-19 mengekal atau meningkatkan kemahiran ketika ekonomi beransur pulih.

"Saya ingin menyeru kepada saudara-saudari graduan tahun 2020 dan 2019 yang belum bernaib baik mendapat pekerjaan, bolehlah memanfaatkan peluang untuk menambah kemahiran dan nilai kompetensi seterusnya membantu meningkatkan kebolehpasaran diri masing-masing," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, KPT kini giat membangunkan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025 bagi memastikan kesinambungan pemerkasaan agenda keusahawanan di institusi pengajian tinggi.

"Keusahawanan perlu dilihat sebagai satu cabang kerjaya berpotensi besar yang boleh diteroka pelajar dan graduan.

"Bidang keusahawanan bukan saji menawarkan penjanaan pendapatan kepada pengusaha, tetapi sebagai *job creator* iaitu berupaya mewujudkan peluang pekerjaan kepada orang lain melalui perniagaan dijalankan," katanya.

Dalam ucapannya, Muhyiddin memberikan contoh graduan universiti tempatan yang mencipta nama sebagai usahawan dan layak dijadikan ikon bagi meniupkan semangat graduan muda untuk mengikuti jejak langkah mereka.

Beliau berkongsi kisah graduan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Arif Tukiman, 28, yang kini adalah ketua pegawai eksekutif (CEO) dan pemilik syarikat RunCloud yang menawarkan khidmat *cloud server* dan *web deployment*.

Syarikatnya yang bernilai RM20 juta kini menguruskan lebih 230,000 aplikasi web dari lebih 100 negara termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom dan India yang menjadi pasaran utama syarikat.

RunCloud telah memenangi pel-

bagai anugerah antaranya Anugerah Merit di International Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) di Guangzhou China; Judges' Choice TOP100 Asia Pacific Echelon; Winner Global Techsummit Malaysia dan Startup of the Year di ASEAN Rice Bowl Award.

"Kejayaan berkenaan melayakkan Arif untuk disenaraikan dalam Forbes 30 Under 30 Asia 2020 di bawah kategori Perniagaan Teknologi," katanya.

Muhyiddin turut berkongsi kejayaan graduan Universiti Multimedia, Muhammad Usamah Zaid Yasin yang juga individu penting di sebalik siri animasi *Upin dan Ipin*, dan *Ejen Ali The Movie* yang berjaya meraih RM30 juta dalam enam minggu tayangan.

Turut disentuh Perdana Menteri ialah graduan Universiti Multimedia yang layak dijadikan ikon iaitu Mohd Nizam Abdul Razak yang merupakan pencipta dan pengarah siri animasi *Boboiboy* dan francisnya, serta pengasas Animonsta Studios.

RM100 juta bantu graduan

Bangi: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyasarkan seramai 20,000 graduan mendapat manfaat daripada program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) Kementerian Pengajian Tinggi-Career Advancement Programme (PENJANA KPT-CAP).

Menterinya, Datuk Dr Noraini Ahmad, berkata terdapat tiga program utama yang digerakkan kementerian itu di bawah peruntukan PENJANA KPT-CAP.

"Pertama ialah *Job Matching and Placements*, iaitu program dirancang untuk meningkatkan kemahiran peserta berdasarkan keperluan industri.

"Graduan yang mengikuti program ini dengan jayanya akan ditawarkan pekerjaan di syarikat yang memberikan jaminan pekerjaan melalui *letter of commit-*

ment," katanya berucap pada Majlis Pelancaran PENJANA KPT-CAP di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Majlis itu disempurnakan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Noraini berkata, inisiatif kedua membabitkan program berterusan keusahawanan iaitu program latihan yang berupaya meningkatkan kemahiran dan pengetahuan peserta dalam bidang keusahawanan sehingga berupaya menubuhkan syarikat pemula.

Beliau berkata, graduan terbaik akan diberikan bantuan pembiayaan disediakan agensi pembiayaan diiktiraf.

"Ketiga pula ialah program yang bercirikan ekonomi gig. Program latihan ini mampu membantu pe-

serta menjana pendapatan melalui aktiviti berbentuk *freelancing*.

"Hingga hari ini (semalam) saja, 140 program disusun membabitkan sinergi dengan tidak kurang daripada 100 syarikat," katanya.

Beliau berkata, semua program dirancang di bawah dana PENJANA KPT-CAP berjumlah RM100 juta itu adalah manifestasi komitmen kementerian itu untuk menzahirkan graduan yang komited, berkualiti, mampan, bercirikan keusahawanan serta mampu berdaya saing pada semua peringkat.

Sementara itu, Noraini berkata, 75,000 daripada 300,000 bakal graduan tahun ini dijangka mungkin terjejas peluang mendapat pekerjaan susulan COVID-19.

Katanya, unjuran itu dijangka dalam tempoh enam bulan selepas graduan menamatkan pengajian.